



Sultan Ibrahim berkenan menerima menghadap Anwar di Istana Negara, semalam. (Foto Facebook sultan Ibrahim)

Agong terima menghadap Anwar

Kuala Lumpur: Yang di-Pertuan Agong, Sultan Ibrahim berkenan menerima menghadap Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim di Istana Negara, semalam.

Menerusi catatan di Facebook

Sultan Ibrahim Sultan Iskandar, secara kebiasaannya, Ahad adalah waktu berehat, namun Seri Paduka Baginda menjalankan tugas rasmi di pejabat di Istana Negara.

“Seawal jam 7 pagi, Seri Pa-

duka Baginda menerima menghadap pegawai-pegawai kanan Istana Negara sebelum menerima menghadap Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim,” menurut catatan itu.

BERNAMA